



YAYASAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Wisma YWP, No. 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur
Tel: 03 2698 3073 Faks: 03 2698 3075
Laman web: info@yayasanwp.org.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

MISKIN BANDAR PERLU DIBERI PERHATIAN

PUTRAJAYA, 5 Disember 2019 –YB Khalid Samad, Menteri Wilayah Persekutuan berkata kemiskinan bandar adalah isu yang penting yang memberi tekanan kepada mereka yang tidak berkemampuan seiring dengan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang menunjukkan bahawa jumlah penduduk di bandar dijangka meningkat sehingga 77.2% pada tahun 2020.

Kajian yang dijalankan oleh Pusat Kajian Pembangunan Ungku Aziz menunjukkan peningkatan yang mendadak dalam bilangan golongan miskin bandar dan gelandangan. Pembandaran dan pertumbuhan pesat di beberapa bandar utama mewujudkan pelbagai masalah termasuk kos sara hidup tinggi, masalah sosial, pengangguran dan kemiskinan.

Menurut statistik Pengkalan Data Kemiskinan Negara e-Kasih bertarikh 30 Oktober 2019, Kuala Lumpur mempunyai jumlah golongan miskin paling ramai, manakala Putrajaya mempunyai angka yang terendah. Kuala Lumpur mempunyai 1,185 orang miskin tegar dan 2,932 buah keluarga miskin, diikuti dengan Labuan yang mempunyai 165 orang miskin tegar dan 613 buah keluarga miskin, manakala Putrajaya mempunyai 3 buah keluarga miskin.

Selaras dengan visi kemakmuran bersama lebih perhatian perlu ditumpukan kepada isu-isu berkaitan miskin bandar. Sehubungan itu, Kementerian Wilayah Persekutuan telah mengambil langkah pertama dengan menganjurkan satu siri persidangan yang akan mengatasi masalah ini melalui pendekatan baru yang merangkumi program-program yang telah dilaksanakan serta menakrif semula istilah miskin.

Berdasarkan perkongsian pengalaman agensi-agensi kerajaan, ahli akademik, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan serta projek-projek rintis bagi meningkatkan tahap pendapatan, satu pelan induk yang lebih menyeluruh dan bersepada untuk menangani miskin bandar akan dirangka.

Pada masa yang sama, istilah kemiskinan juga perlu dikaji dan ditakrif semula. Sebagai contoh, sebuah keluarga dengan tujuh ahli keluarga akan menghadapi kesukaran menampung keperluan hidup dengan RM4,000.00 yang dilihat sebagai jumlah yang besar. Oleh itu, isu kemiskinan bandar perlu ditangani dari perspektif bukan sekadar memberikan bantuan kepada mereka tetapi turut mendidik mereka supaya berdikari.

Seminar hari ini adalah yang pertama dalam siri-siri akan datang. Setiap seminar akan mengupas dan mengkaji langkah yang diperlukan untuk mengatasi isu miskin bandar termasuk model-model dari luar negara. Komponen yang paling utama untuk membantu golongan miskin adalah dengan mengajar mereka kemahiran baru dan memberi mereka peluang untuk mengamalkan apa yang mereka pelajari.

Di samping itu, apa yang diperlukan ialah membantu golongan miskin membina jati diri dan keyakinan supaya mereka dapat keluar dari kancang kemiskinan. Satu kajian terperinci dan penilaian semula kejayaan-kejayaan lepas adalah perlu. Ini akan disokong dengan maklum balas, interaksi dan pengalaman praktikal bagi mewujudkan pelan induk yang boleh dilaksanakan dengan jaya.

Kerajaan telah memperkenalkan beberapa program pembasmian kemiskinan termasuk i-Suri yang bertujuan membantu suri rumah, ibu tunggal, balu dan wanita belum berkahwin yang berdaftar di bawah Sistem Maklumat Kemiskinan Negara (eKasih). Ia berperanan sebagai jaring keselamatan dengan menyediakan simpanan sebagai persiapan masa sukar dan bukan semata-mata bergantung kepada bantuan kerajaan.

Menjelang tahun 2020, skim ini bakal mencapai fasa terakhir di mana sumbangan wajib berjumlah dua peratus dari pendapatan suami dipindahkan ke dalam akaun isteri. Skim ini memperlihatkan komitmen kerajaan untuk meningkatkan kedudukan wanita dalam masyarakat tanpa mengabaikan suri rumah sepenuh masa. Pada masa yang sama, sebanyak 5,777 buah keluarga di Wilayah Persekutuan layak dan bakal menerima rebat elektrik. Kementerian berharap usaha yang dijalankan dengan kerjasama Yayasan Wilayah Persekutuan ini dapat menambahbaik mutu kehidupan warga miskin bandar di Wilayah Persekutuan sejajar dengan slogan kementerian, "Wilayah Peduli Harapan Dipenuhi".

Disediakan Oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat dan Pengurusan Maklumat
Yayasan Wilayah Persekutuan**